

UTHM terus bantu mangsa gempa bumi Sabah

BATU PAHAT - Seramai 17 pelajar dan 11 kakitangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) meneruskan kerja kebajikan mereka dengan menyalurkan bantuan kepada mangsa gempa bumi di Sabah.

Program Khidmat Masyarakat Kinabalu Fasa 2 itu disertai warga Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) universiti berkenaan bersama Persatuan Mahasiswa Sabah UTHM.

Pengarah programnya, Profesor Madya Dr Haryati Shafi berkata, pihaknya menyampaikan bantuan wang tunai yang dikutip melalui sumbangan orang ramai bermula hujung Julai lalu.

Beliau yang juga Timbalan Dekan, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni FPTP berkata, pihaknya turut menyerah-



Warga UTHM yang terlibat aktiviti Khidmat Masyarakat Kinabalu 2015 Fasa 2, selepas program berkenaan.

kan sumbangan berbentuk makanan asas dan peralatan persekolahan kepada 30 keluarga.

Menurutnya, gempa bumi yang berlaku pada 5 Jun itu, berukuran 5.9 skala richter membabitkan kawasan sekitar Tambunan, Pendalaman,

Tuaran, Kota Kinabalu dan Kota Belud.

"Dalam usaha kami membantu meringankan beban mangsa, kami memberikan tumpuan kepada mangsa di Pekan Nabalau, Ranau, yang melibatkan Kampung Tomis

Jaya, Kampung Mangi Pangi dan Kampung Tiong Ratau.

"Kami mengadakan satu majlis yang melibatkan seluruh penduduk di tiga kampung berkenaan, di mana ia dilakukan secara bergotong-royong atau rawang," katanya.

Haryati berkata, pihaknya juga mengadakan pemeriksaan kesihatan percuma dan agihan ubat-ubatan bagi memastikan kesihatan penduduk di kawasan berkenaan dalam keadaan yang baik.

Beliau berkata, bagi kanak-kanak yang juga murid-murid sekolah rendah satu sesi kaunseling untuk mengembalikan semangat mereka dilakukan.

Jelasnya, ia menggabungkan kakitangan dari Pusat Kesihatan Universiti dan Pusat Pembangunan dan Pengembangan Pelajar.

"Program ini kesinambungan fasa satu yang telah diadakan Ogos lalu, dan ia berkemungkinan akan dilakukan lagi mengikut keperluan serta bagi membantu mangsa gempa ini," katanya.